

22/08/1997

Pengambilan buruh asing sudah dihenti

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan sudah menghentikan pengambilan pekerja asing sejak setahun setengah lalu, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, berikutan banyak rayuan daripada majikan untuk mengambil pekerja asing, ia seolah-olah memberi gambaran bahawa kerajaan masih memberi pertimbangan.

"Keputusan untuk membekukan pengambilan pekerja asing sudah dibuat sejak setahun setengah lalu, tetapi disebabkan masih ada rayuan walaupun kita menolak, ada gambaran seolah-olah kita memberi pertimbangan.

"Berikutan itu, Datuk Tajol Rosli (Timbalan Menteri Dalam Negeri) diminta membuat kenyataan, kita tidak lagi menimbangkan (pengambilan pekerja asing)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan selepas majlis perasmian Kongres Perubatan Malaysia-Singapura ke-31 dan Pidato Tun Dr Ismail anjuran Akademi Perubatan Malaysia (APM) oleh Sultan Perak, di sini hari ini.

Semalam, Mohd Tajol mengumumkan bahawa kerajaan membekukan permohonan baru pengambilan pekerja asing di semua sektor berkuatkuasa serta merta.

Menurutnya, pembekuan itu dibuat sejajar dengan hasrat kerajaan yang mahu majikan lebih mengutamakan pengambilan pekerja tempatan dalam sektor yang selama ini diisi pekerja asing.

Beliau berkata, ketika ini terdapat lebih 1.7 juta pekerja asing di seluruh negara dan jumlah itu disifatkan terlalu tinggi.

Sementara itu dalam perkembangan lain, Anwar berkata, unjuran Keluaran Dalam Negara bagi tahun depan akan diumumkan dalam Belanjawan Negara, Oktober ini.

Menjawab soalan, beliau berkata, jangkaan bahawa negara akan mencatat defisit akaun semasa yang lebih besar tahun ini kerana ringgit akan terus lemah sehingga akhir tahun, adalah tidak tepat.

"Jangkaan itu dibuat dengan andaian bahawa nilai ringgit kekal lemah hingga akhir tahun. Unjuran akan dibuat berdasarkan perkembangan semasa. Jadi ramalan itu kurang tepat," katanya.

Ringgit ketika ditutup hari ini berada di kadar agak baik iaitu pada 2.7630/60 berbanding dolar Amerika daripada 2.7665/95 pada penutup semalam.

Sepanjang 1996, Malaysia mencatatkan defisit akaun semasa berjumlah RM12.252 bilion.

Bagi suku pertama tahun ini, defisit akaun semasa berada pada tahap RM1.8 bilion, iaitu lebih baik daripada defisit masing-masing RM4.5 bilion dan RM3.2 bilion yang dicatat pada suku keempat dan pertama 1996.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad baru-baru ini menggesa masyarakat peniaga supaya mengurangkan import barangan tidak perlu, terutama kelengkapan pembinaan seperti salur mekanikal serta jentera pengorek bagi membantu mengurangkan defisit negara.

Dr Mahathir berkata, jika masyarakat peniaga tidak dapat berbuat demikian secara sukarela, kerajaan mungkin terpaksa mengenakan sekatan untuk menghadkan import terutama bagi jentera pembinaan.

(END)